



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368197
Bil. : KEW(S)300-1/1/1 Klt. 22(95)
Tarikh : 28 Julai 2021

Semua Setiausaha Tetap
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Eksekutif Majlis Daerah
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah

YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL. 4 TAHUN 2021
PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PELAN
PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2**

- Kaedah Pengendalian Mesyuarat Lembaga Tawaran Tender Negeri/Kementerian dan Jawatankuasa Sebutharga

1. TUJUAN

Surat Pekeling ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai Kaedah Pengendalian Mesyuarat Lembaga Tawaran Tender Negeri/Kementerian dan Jawatankuasa Sebutharga Kerajaan Negeri dalam tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2.

“SABAH MAJU JAYA”

1 / 6



2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Perolehan Kerajaan merupakan perkhidmatan penting (*essential services*) bagi menyokong sebahagian besar sektor awam dan sektor ekonomi yang masih boleh beroperasi seperti biasa semasa dalam tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 dengan mematuhi garis panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- 2.2. Oleh yang demikian, selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 di Negeri Sabah dan bagi memastikan proses perolehan Kerajaan yang telah dirancang tidak terjejas di dalam tempoh tersebut, maka pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi dalam mengendalikan mesyuarat perolehan.

3. KAEADAH PENGENDALIAN MESYUARAT LEMBAGA TAWARAN TENDER NEGERI/KEMENTERIAN DAN JAWATANKUASA SEBUTHARGA

- 3.1. Mesyuarat Lembaga Tawaran Tender Negeri/Kementerian dan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

BIL	PERKARA	MESYUARAT	PENERANGAN RINGKAS
1	JAWATANKUASA SEBUTHARGA	JAWATANKUASA PEMBUKAAN	<ul style="list-style-type: none">i. Mesyuarat secara bersemuka;ii. Bilangan ahli mesyuarat dihadkan kepada tiga (3) orang ahli yang mandatori sahaja;iii. Tempoh masa mesyuarat dihadkan selama dua (2) jam.
		JAWATANKUASA PENILAIAN	<ul style="list-style-type: none">i. Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video;ii. Mesyuarat secara bersemuka dibenarkan sekiranya perlu dilaksanakan, bilangan ahli mesyuarat dihadkan kepada tiga (3) orang ahli yang mandatori sahaja dan tempoh masa mesyuarat dihadkan selama dua (2) jam.

“SABAH MAJU JAYA”

		JAWATANKUASA KEPUTUSAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video; ii. Mesyuarat secara bersemuka dibenarkan sekiranya perlu dilaksanakan, bilangan ahli mesyuarat dihadkan kepada tiga (3) orang ahli yang mandatori sahaja dan tempoh masa mesyuarat dihadkan selama dua (2) jam. iii. Hanya seorang wakil pembentang kertas pertimbangan sahaja hadir; sekiranya terdapat keperluan.
2	LEMBAGA TAWARAN NEGERI/ KEMENTERIAN	JAWATANKUASA PEMBUKAAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat secara bersemuka; ii. Bilangan ahli mesyuarat dihadkan kepada empat (4) orang ahli yang mandatori sahaja; iii. Tempoh masa mesyuarat dihadkan selama dua (2) jam.
		JAWATANKUASA PENILAIAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video; ii. Mesyuarat secara bersemuka dibenarkan sekiranya perlu dilaksanakan, bilangan ahli mesyuarat dihadkan kepada tiga (3) orang ahli yang mandatori sahaja dan tempoh masa mesyuarat dihadkan selama dua (2) jam.
		JAWATANKUASA KEPUTUSAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video; ii. Mesyuarat secara bersemuka dibenarkan sekiranya perlu dilaksanakan, bilangan ahli mesyuarat dihadkan kepada empat (4) orang ahli yang mandatori sahaja dan tempoh masa mesyuarat dihadkan selama dua (2) jam; iii. Hanya seorang wakil pembentang kertas pertimbangan dari Kementerian/Jabatan sahaja hadir sekiranya terdapat keperluan.

“SABAH MAJU JAYA”

3.2. Kaedah Mesyuarat Bersemuka

Urusetia mesyuarat hendaklah memastikan:

- (i) Bilangan kekerapan mesyuarat hendaklah diminimumkan;
- (ii) Kertas taklimat tender dan sebut harga hendaklah dipastikan lengkap, ringkas dan padat serta pembentangan juga diringkaskan bagi membantu proses membuat keputusan dalam tempoh masa yang singkat;
- (iii) Bilangan ahli mesyuarat yang hadir juga perlu diminimumkan dan hanya menetapkan keperluan kehadiran wakil yang mandatori sahaja dan benar-benar perlu bagi membantu dalam memutuskan perolehan;
- (iv) Urus setia yang terlibat dalam menyediakan dokumen dan bertugas semasa mesyuarat hendaklah diminimumkan;
- (v) Wakil Kementerian/Jabatan tidak dibenarkan untuk bersiap sedia di luar bilik mesyuarat secara beramai-ramai. Oleh itu, urus setia hendaklah mengenal pasti hanya seorang sahaja wakil pembentang kertas pertimbangan untuk bersiap sedia jika benar-benar terdapat keperluan. Sekiranya tiada keperluan, wakil pembentang tidak perlu hadir;
- (vi) Urus setia mesyuarat hendaklah memastikan pengerusi, ahli, pembentang dan urusetia adalah bebas daripada demam, batuk dan selsema sebelum memulakan mesyuarat;
- (vii) Pengimbasan suhu badan juga hendaklah dibuat ke atas semua pegawai yang akan menghadiri mesyuarat dan memastikan ia berada di paras suhu badan yang normal;
- (viii) Urus setia mesyuarat hendaklah memastikan *hand sanitizer* disediakan di dalam bilik mesyuarat;
- (ix) Urus setia mesyuarat hendaklah memastikan tempat duduk pengerusi, ahli dan urus setia di dalam mesyuarat mematuhi penjaraikan fizikal yang selamat (sekurang-kurangnya diselang satu kerusi). Oleh itu, pemilihan bilik mesyuarat yang sempit dan kecil hendaklah dielakkan; dan

“SABAH MAJU JAYA”

- (x) Mengamalkan langkah pencegahan sebelum/semasa mesyuarat seperti mengelakkan bersalam, aktiviti perbualan yang terlalu dekat dan pemakaian pelitup muka.
- 3.3. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian, Mesyuarat Jawatankuasa Keputusan dan mesyuarat jawatankuasa dalaman berkaitan perolehan adalah dibenarkan untuk dilaksanakan secara sidang video. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan aplikasi yang digunakan selamat serta mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan sebarang kebocoran maklumat berdasarkan arahan dan nasihat oleh pihak berkuasa seperti Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) atau MAMPU.

4. PENGUATKUASAAN

- 4.1. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan sehingga pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 ditamatkan.

5. PENUTUP

- 5.1. Sebarang pertanyaan mengenai kandungan Surat Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Unit Perolehan, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(HAJI RUSDIN RIMAN C.A(M), FCPA(A), CPFA(UK))
Setiausaha Tetap

s.k. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
88450 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

Pengarah,
Jabatan Audit Negara,
Cawangan Negeri Sabah,
Aras 4, Blok A, No.2021,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS,
88450 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”